

Lelaki ditahan, dadah 8.09kg dirampas

BERITA HARIAN 16/4/18 M/S 66

→ Serbuan di rumah kedai turut
temui pistol, 54 butir peluru

Oleh Mary Victoria Dass
maryvictoria@nstp.com.my

✦ Johor Bahru

Polis menahan seorang ahli sindiket pengedaran dadah sebelum merampas 54 butir peluru pistol bersama 54 butir peluru hidup dan 8.09 kilogram dadah bernilai RM566,000 dalam serbuan di sebuah rumah kedai di Tangkak pada 11 April lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd

Khalil Kader Mohd berkata, lelaki warga tempatan berusia 47 tahun itu ditahan selepas anggota dan pegawai Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman pada 6 April lalu di sekitar Tangkak.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati lelaki berkenaan memiliki rekod jenayah lampau berkaitan dadah selain ujian saringan air kencing mendapati dia positif dadah.

Katanya, susulan tangkapan itu, pasukan khas berkenaan dengan



Mohd Khalil (dua dari kanan) menunjukkan dadah jenis syabu dan sepucuk pistol yang dirampas pada sidang media di Johor Bahru, semalam.

kerjasama Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tangkak mengadakan serbuan di sebuah rumah kedai bermula jam 3.40 petang hingga 9.30 malam pada 11 April lalu.

Temui bekalan syabu

“Menerusi serbuan itu, polis menemui bekalan syabu seberat 8.09 kilogram dipercayai bagi menampung 4,000 penagih selama sebulan.

“Polis juga menemui pistol jenis

Stoeger Cougar 8000 Beretta, satu kelopak peluru berisi empat peluru hidup, lima kelongsong peluru dan 50 peluru hidup.

Sindiket dadah lumpuh

“Pada masa sama, pasukan berkenaan menemui satu mesin pencetak pil ecstasy di premis berkenaan,” katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Program Derma Darah sempena Hari Polis Ke-211 di Paradigm Mall, di sini, semalam.

Mohd Khalil berkata, suspek kini ditahan reman sehingga 20 April ini bagi membantu siasatan mengenai Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seksyen 8/8A Akta Senjata Api Lebih Berat 1971.

Katanya, sejak Januari lalu, polis Johor berjaya melumpuhkan empat sindiket pengedaran dadah dan mengalu-alukan bantuan orang ramai menyalurkan maklumat bagi membolehkan polis menjalankan siasatan.